

22 NOV 2000

Suhaimi-Inggeris (Temuramah)

JADIKAN PENGUASAAN BAHASA INGGERIS AGENDA NEGARA, KATA GPMS

Oleh: Azman Ujang

KUALA LUMPUR, 22 Nov (Bernama) -- Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) yang mempunyai 400,000 anggota dan pertubuhan seumpamanya yang tertua di negara ini mahu penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar dijadikan agenda negara.

Ke arah itu, Presidennya Datuk Suhaimi Ibrahim mengulangi seruan GPMS supaya sekolah aliran Inggeris diwujudkan semula dari peringkat pra-sekolah bagi menyediakan asas yang kukuh kepada pelajar dalam penguasaan bahasa itu.

Suhaimi berkata apa yang diperlukan sekarang ialah keazaman politik oleh pucuk pimpinan negara serta rakyat untuk membetulkan apa yang beliau sifatkan sebagai "kesilapan sejarah".

Dalam temuramah khusus mengenai bahasa Inggeris dengan Bernama di sini, beliau berkata kesilapan sejarah itu telah menyebabkan sistem pendidikan negara gagal menyediakan peluang sewajarnya kepada para pelajar untuk menguasai satu bahasa yang menjadi bahasa ilmu, khususnya dalam bidang perniagaan dan teknologi maklumat di peringkat global.

Beliau merayu semua pihak supaya bersikap rasional dan bukan emosional dan tidak sewenang-wenangnya menuduh apa-apa usaha untuk meningkatkan penggunaan bahasa Ingeris di negara ini sebagai tidak patriotik atau tidak nasionalistik.

Katanya beliau telah menjelajah ke seluruh pelusuk negara berjumpa pelajar dan ibu bapa yang rata-rata kecewa dengan keadaan sekarang. Bahasa Inggeris walaupun begitu penting sebagai bahasa ilmu dipinggirkan oleh sistem pendidikan oleh kerana negara tidak mempunyai guru bahasa itu yang mencukupi, terutama di kawasan luar bandar.

Selain pelajar, GPMS yang kini berusia 52 tahun dianggotai oleh guru, pensyarah dan belia daripada pelbagai bidang profesional.

"Oleh kerana kebanyakan pelajar Melayu datang dari luar bandar, sebahagian besar mereka lemah dalam bahasa Inggeris. Keadaan ini harus diperbetulkan dan dijadikan bukan sekadar usaha Kementerian Pendidikan tetapi satu agenda negara," kata Suhaimi yang dalam temuramah itu memberi pelbagai pandangan yang berterus terang, berani dan tegas.

"Jika ini tidak dilakukan secara bersungguh-sungguh mulai sekarang, saya amat khuatir Malaysia yang dipimpin oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sekarang tidak mungkin akan dapat menjadi negara yang cemerlang di peringkat global pada masa akan datang," katanya.

Suhaimi berkata kecemerlangan Dr Mahathir sendiri sebagai pemimpin yang disegani oleh dunia merupakan bukti yang paling kukuh betapa pentingnya bahasa Inggeris.

"Dr Mahathir begitu petah berhujah di forum-forum antarabangsa dengan pandangan-pandangannya yang bernas serta tajam. Apakah beliau mampu berbuat demikian jika beliau lemah berbahasa Inggeris?.

"Tetapi adakah dengan menguasai bahasa Inggeris begitu baik, Dr Mahathir kurang patriotik, kurang nasionalis atau kurang Melayu? Sudah tentu tidak," kata Suhaimi yang menambah bahawa negara tidak perlu lagi berdebat mengenai pentingnya bahasa Inggeris tetapi perlu mengerahkan segala usaha untuk memperbaiki kelamahan sistem pendidikan sekarang yang "tidak mengajar bahasa itu dengan sempurna".

Berikut teks temuramah:

Soalan: Baru-baru ini, satu kajian oleh GPMS menunjukkan majoriti daripada responden mahukan sekolah aliran bahasa Inggeris diwujudkan semula di negara ini. Boleh Datuk jelaskan?

Jawapan: Kajian itu tidak termasuk tinjauan secara rambang yang jelas menunjukkan secara menyeluruh di kalangan masyarakat memperlihatkan satu kesedaran terhadap bahasa Inggeris. Saya telah pun mengadakan satu program ke seluruh luar bandar berjumpa dengan ibu bapa, guru besar, guru serta pelajar yang sentiasa merungut tentang kekurangan guru bahasa Inggeris di luar bandar.

Dan perkara ini diketahui oleh umum bahawa pelajar di luar bandar menjadi mangsa kerana masalah guru bahasa Inggeris. Di sini memperlihatkan bahawa bahasa Inggeris memang menjadi satu perkara yang sudah diberi perhatian, sudah menjadi keutamaan oleh masyarakat terutama ibu bapa di luar bandar yang hendakkan anak-anak mereka menguasai bahasa Inggeris.

Saya berani bagi jaminan kalau kita buat satu pungutan suara di seluruh negara, ibu bapa semuanya berkehendakkan anak mereka menguasai bahasa Inggeris. Berasaskan kesedaran ini, GPMS lontarkan ini kepada umum, dan juga kepada Kementerian Pendidikan, kini terpulang kepada kementerian untuk mengambil langkah-langkah bijak untuk memenuhi tuntutan umum.

S: Adakah ini boleh dilakukan oleh kementerian sahaja atau dijadikan satu agenda nasional?

J: Ya, ini bukan setakat kementerian, tetapi mesti dijadikan agenda negara kerana seluruh dunia mempunyai kesedaran ini. Ini satu agenda negara yang harus dilihat sebagai agenda penting. Ini soal masa depan bangsa. Ada dua perkara di sini, satu soal bahasa, dan satu lagi soal bangsa.

Kalau kita melihat soal bahasa, apakah bahasa itu juga akan menjamin kekuatan bangsa...senarionya sekarang, kita kena melihat apakah bahasa kita sudah mampu dijadikan bahasa teknologi, bahasa ilmu dan bahasa di peringkat antarabangsa.

S: Dalam soal ini, orang selalu bercakap mengenai Jepun yang begitu maju dengan menggunakan bahasanya sendiri. Apa pandangan Datuk?

J: Kita tidak boleh samakan bahawa Jepun yang tidak tahu bahasa Inggeris, tetapi mereka berjaya, mereka maju dalam teknologi, ekonomi, sains dan dalam semua bidang. Itu Jepun, itu sebabnya bahasa Jepun mula dipelajari oleh masyarakat antarabangsa kerana mereka telah membuktikan mereka kuat dan maju. Tetapi sekarang ni, kita masih lagi gagal membangunkan Bahasa Malaysia sebagai bahasa ilmu, kalau adapun jadi bahasa ilmu hanya berkisar dalam negara kita... itu satu realiti yang kita harus terima.

Itupun dalam negara kitapun, ada yang melihat dalam bentuk dua aliran atau dualisme. Dalam sektor swasta penggunaan bahasa Inggeris cukup tinggi berbanding sektor awam. Ini juga berlaku kepada institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS). Di IPTA menggunakan Bahasa Malaysia sepenuhnya, manakala di IPTS bahasa Inggeris digunakan. Di IPTS majoriti terdiri daripada bukan Melayu dan di IPTA majoriti pelajar Melayu. Di sektor swasta masih mengutamakan kebolehan atau kemampuan dalam bahasa Inggeris, jadi apabila dalam keadaan sekarang ini persaingan cukup hebat. Jadi bahasa Inggeris sebagai satu bonus, satu kredit tambahan kepada orang yang memohon pekerjaan. Sudah tentu sektor swasta lebih menerima graduan daripada IPTS. Ini realiti kerana mereka boleh berkomunikasi dalam bahasa Inggeris.

S: Bagaimana keadaan sekarang dengan kebanjiran IPTA di seluruh negara?

J : Sekarang ini apakah dengan kebanjiran IPTA di seluruh negara yang jumlahnya 11 universiti yang ada sekarang ini dengan jumlah pelajar setahun boleh keluar 60,000 orang, apakah sektor awam sahaja difokus, apakah graduan IPTA akan mengharapkan bekerja di sektor awam sahaja, sudah tentu mereka tidak ada pilihan, mereka terpaksa juga mencari peluang pekerjaan di sektor swasta. Di IPTS pula mereka bersaing pula dengan beratus ribu pelajar yang telah didedahkan dengan bahasa Inggeris. Saya tak nafikan di IPTA ada bahasa Inggeris tetapi disebabkan kemahiran mereka kurang berbanding di IPTS, sudah tentulah ancaman baru kepada pelajar di IPTA, sudah tentulah ini satu cabaran baru kepada kerajaan, seolah-olah kualiti pelajar di IPTS lebih baik.

Sebab hakikatnya ialah pelajar di IPTA itu merupakan pelajar terbaik dari sekolah. Tetapi takkanlah mereka mengharapkan sektor awam sahaja (untuk mendapat pekerjaan).

Saya tak nafikan ada juga di IPTA yang menguasai bahasa Inggeris tetapi agak minimum, sebabnya dia boleh memahami bahasa Inggeris melalui buku, memahami orang yang bercakap bahasa Inggeris tetapi apabila dia bercakap sendiri, berbual, berkomunikasi, dia gagal kerana tidak dilatih di IPTA.

Berbanding dengan pelajar di IPTS, bukan sahaja dia faham tetapi sudah ada latihan untuk berkomunikasi kerana bercampur dengan bukan Melayu, bukan Melayu yang pensyarahnya diambil daripada luar negara. Akhirnya mereka sudah dapat latihan awal, yang keadaan yang berlaku sekarang ini. Apa yang saya nyatakan pada awal tadi, saya rasa bukan bermakna kita ambil langkah drastik, maksudnya terus kita adakan sekolah aliran Inggeris tanpa mengambil kira persediaan guru, kemudahan dan juga prasarana. Kita tidak boleh kata ini melihat ke belakang.

S: Ada orang kata, seolah-olah dengan mengambil langkah ini, kita tidak faham sejarah.

J: Sebenarnya yang saya nak hujah ialah kita patut belajar daripada sejarah. Kita patut mengambil sejarah yang lalu. Mana yang baik sebagai teladan kita. Kalau tidak, apa makna kita belajar sejarah. Pasal kita faham sejarahlah kita tahu bahasa Inggeris itu penting, kita mengambil contoh pemimpin kita, Dr Mahathir.

Dr Mahathir yang belajar dari awal dalam aliran Inggeris di Singapura. Apakah dia lemah dalam Bahasa Malaysia, tidak. Apakah dia tidak bersikap patriotik, apakah dia tidak bersikap nasionalis. Dia kuat Bahasa Malaysia, dia kuat semangat Melayu. Begitu juga pemimpin lain yang belajar di luar negara, banyak lagi contoh.

S: Sebagai pemimpin sebuah pertubuhan pelajar yang besar, sudah tentu Datuk dapat menyelami perasaan para pelajar tentang sistem pendidikan yang tidak memberi keutamaan kepada penguasaan bahasa Inggeris seperti sekarang?

J: Boleh tanya kepada pelajar aliran Melayu yang merasakan mereka kecewa dengan sistem. Saya salahkan sistem, jika tidak kerana sistem pelajar-pelajar di luar bandar khususnya sudah didedahkan dengan bahasa Inggeris di peringkat sekolah rendah, pendedahan bahasa Inggeris yang lebih meluas.

Saya berani berkata pelajar yang berada di peringkat sekolah menengah pun, mereka belajar bahasa Inggeris pun dengan guru yang bahasa Inggerisnya lintang-pukang, guru yang tidak mencukupi, ini di luar bandar, ini nasib luar bandar. Maka atas kesedaran ini amat perlu kita perbaiki kesilapan yang lalu, inilah kita kata sejarah, sebab kita tidak mahu kesilapan yang

sama berulang.

Maknanya kita tidak kata Bahasa Malaysia tidak penting, Bahasa Malaysia penting sebagai alat perpaduan.

Dan kita tidak boleh emosional, kita mesti bersikap rasional dan melihat sesuatu realiti. Kita juga tidak boleh bersikap hipokrit dalam hal ini.

S: Bagaimana keadaannya pelajar kita yang dihantar ke luar negara?

J: Pelajar-pelajar kita yang berada dalam sistem perubahan dasar, iaitu penghapusan aliran bahasa Inggeris, walaupun mereka berada di luar negara, mereka gagal bertutur dalam bahasa Inggeris dengan baik sebab latihan tidak diterima lebih awal, berbanding anak-anak golongan elit yang telah melalui satu tradisi dari awal sampai mereka membesar. Mereka telah diasuh lebih awal.

Kalau saya tidak mengenang nasib bangsa Melayu, saya kata... okay biarkan kita teruskan sistem yang ada sekarang. Sebab saya mengenang nasib bangsa, yang berlaku kepada diri saya (yang datang dari sekolah aliran Melayu) dan juga kepada puluhan ribu rakan-rakan yang lain yang datang dari kampung.

S: Tetapi, kenapa pelajar bukan Melayu yang belajar dalam sistem pendidikan yang sama boleh menguasai bahasa Inggeris tetapi pelajar Melayu lemah?

A: Kalau harapkan sistem, tidak boleh. Kita kena belajar sendiri seperti apa yang telah saya lakukan secara berhempas-pulas semasa di universiti dulu. Kita kena usaha sendiri.

Berbalik kepada kelamahan pelajar Melayu, kebanyakan datang dari luar bandar, guru bahasa Inggeris kurang. Negara amat kekurangan guru bahasa Inggeris. Sebabnya ialah sistem pendidikan negara pada asasnya melahirkan pelajar-pelajar yang tidak ada kemahiran dalam bahasa ini. Jadi dia akan bertali arus dan berterusan. Tidak mungkin Al-Quran misalnya, dapat diturunkan kalau tidak guru itu menurunkan ilmunya kepada anak murid dan anak murid tidak turunkan kepada generasi berikutnya. Begitu juga bahasa Inggeris, kalau kita dengan sistem yang ada sekarang kita seolah-olah lupakan bahasa Inggeris, bahasa ini dijadikan tidak penting lagi seperti suatu masa dulu, bagaimana kita nak melahirkan guru yang berkemahiran dalam bahasa Inggeris. Guru-guru yang menguasai bahasa Inggeris ini sudah bersara.

Sekarang ini guru-guru bahasa Inggeris tumpukan kepada mata pelajaran bahasa Inggeris, sedangkan pada suatu masa dulu oleh kerana semua mata pelajaran diajar dalam bahasa Inggeris, dengan sendirinya apabila mereka keluar mereka boleh memilih bidang yang "multiple-subject". Tak semestinya ambil sejarah, sains, matematik dan lain-lain. Tetapi kalau pengkhususan dalam bahasa Inggeris sahaja, kita akan menghadapi kekurangan kerana guru akan bersara dan tak dapat turunkan kepada generasi berikutnya.

S: Bagaimana masalah ini mungkin boleh diatasi?

J: Masalahnya sebenarnya agak serius. Di maktab-maktab perguruan saya berjumpa dengan pengajar bahasa Inggeris yang tidak boleh berkomunikasi dalam bahasa Inggeris, tetapi dia mengajar bahasa Inggeris, itu puncunya.

Kita perlu ada guru yang mahir mengajar bahasa Inggeris dalam pelbagai mata pelajaran tetapi sistem kita telah sempitkan hanya kepada guru yang mengajar bahasa Inggeris sahaja bertutur bahasa Inggeris. Tetapi ini kita tak ada dengan secukupnya. Kita perlu luaskan skopnya. Kini skop terlalu

sempit dan kita tidak dapat mewarisi kepandaian ilmu kita.

Tambahan pula saiz guru bahasa Inggeris semakin mengecil, berbanding dulu saiznya besar, sekarang menguncup.

Sekarang guru bahasa Inggeris tak boleh mengajar sains, matematik, kerana ini diajar dalam Bahasa Malaysia. Dan yang guru bahasa Inggeris pula kebanyakan tidak mahu berkhidmat di luar bandar kerana pasaran guru bahasa ini cukup tinggi, mereka lebih baik berada dalam sektor swasta, lebih baik bekerja sebagai penyampai berita di stesen-stesen penyiaran.

Kita kena ambil pendekatan yang bijak, contoh macam zaman sebelum Merdeka atau selepas Merdeka, macam mana pelajar-pelajar cekap bahasa Inggeris. Pada waktu itu kita ambil sebagai sejarah, bukan bermakna kita nak buat macam penjajah buat, kita ubahsuai dengan satu kaedah yang sesuai dengan perkembangan semasa dengan tuntutan keadaan semasa.

S: Mungkin juga melalui konsep Sekolah Wawasan yang mahu diperkenalkan sekarang?

J: Sekolah Wawasan mungkin satu modul atau mekanisme yang cukup penting yang boleh menterjemahkan hasrat ini. Sekolah Wawasan mesti ada subjek penting dalam bahasa Inggeris, sains, mata pelajaran teknikal, matematik, komputer. Dalam pada itu, Bahasa Malaysia dimantapkan lagi tetapi perlu juga tegas dalam penggunaan bahasa Inggeris di sekolah-sekolah.

Penyediaan guru bahasa Inggeris harus dilakukan secara menyeluruh, kita belanja untuk menghantar mereka ke luar negara macam dulu, kita hantar di merata tempat.

Di peringkat SPM (Sijil Pelajaran Malaysia), walaupun Pangkat 3 atau Pangkat 4 jika ada kemahiran atau kelulusan yang baik dalam bahasa Inggeris, kita boleh ambil, tidak boleh guna ukuran akademik baru diambil sebagai guru bahasa Inggeris. Tandatangan kontrak dan perlu mengajar di luar bandar.

S: Tetapi, guru bahasa Inggeris di bandar-bandar pun tidak boleh dikatakan memuaskan keadaannya?

J: Puncanya ialah guru bahasa Inggeris tidak berkomunikasi dalam bahasa Inggeris. Bahasa Inggeris dijadikan bahasa subjek dalam kelas, tidak dipraktikkan. Mesti bermula dari peringkat tadika. Oleh itu saya sarankan Kementerian Pendidikan mengambil alih semua tadika, juga dengan bantuan Kementerian Luar Bandar dan lain-lain agensi berkaitan, murid 6 tahun wajib belajar di tadika. Bahasa Inggeris harus diajar di peringkat awal lagi, dan apabila mereka masuk Tahun 1 guru bahasa Inggeris sudah menanti, mereka sudah ada asas berkomunikasi dalam bahasa ini kerana pendedahan ini. Ini amat penting.

S: Adakah ini salah satu punca beribu-ribu ibu bapa Melayu menghantar anak-anak mereka ke sekolah jenis kebangsaan Cina?

J: Ya, kini ramai orang Melayu bersungguh-sungguh menghantar anak mereka belajar di sekolah aliran Cina kerana di situ ada tiga bahasa. Sekolah jenis kebangsaan Cina semakin kukuh, semakin kuat. Di situ mereka boleh belajar bahasa Mandarin, bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia.

Saya cukup bimbang jika sistem pendidikan sekarang yang tidak mengutamakan bahasa Inggeris diteruskan dan jika pelajar Melayu khususnya tidak diberi suntikan kesedaran tentang pentingnya bahasa ini, keadaan alpa sekarang ini akan berterusan. Malaysia tidak dapat menyediakan pemimpin di peringkat antarabangsa seperti Dr Mahathir.

Saranan saya ini tidak mengkhianati bahasa sendiri. Saya amat berterima

kasih kepada pemimpin yang mahukan rakyat menguasai bahasa Inggeris. Apa yang berlaku sekarang ialah satu kesilapan sejarah yang meminggirkan bahasa Inggeris oleh para pemimpin politik di masa dulu yang terlalu emosi hendakkan orang Melayu belajar di sekolah aliran Melayu.

Apa yang berlaku ialah anak-anak golongan elit dan bangsawan termasuk kerabat diraja dihantar ke sekolah-sekolah aliran Inggeris seperti di International School, di London dan sebagainya. Tidakkah ini satu bentuk penjajahan?

Perkara ini menjadi realiti, dengan dasar langit terbuka, globalisasi, dunia tanpa sempadan, dengan ledakan teknologi maklumat. Ilmu begitu cepat diperolehi kalau kita faham, mahir dan menguasai bahasa Inggeris, lebih-lebih lagi dengan adanya Internet. Kalau kita nak terjemah ilmu teknologi maklumat ke dalam bahasa kita, belum pun habis terjemahan, ilmu itu mungkin sudah lapuk. Ini kenyataan.

S: Tetapi Datuk, kita tidak boleh menyalahkan para pelajar kita dalam soal ini.

J: Walau apapun, saya tidak boleh salahkan pelajar-pelajar pada hari ini. Saya juga tak boleh salahkan pegawai-pegawai kerajaan atau ahli-ahli politik yang ada hari ini yang tidak boleh menguasai bahasa Inggeris. Mereka adalah mangsa dasar pendidikan yang ada sekarang sejak waktu kanak-kanak lagi. Ibu bapa mereka telah dipengaruhi supaya tidak menghantar anak-anak mereka ke sekolah aliran bahasa Inggeris.

Jangan salahkan mereka kerana mereka belajar dalam satu sistem. Mereka adalah mangsa kepada sistem ini. Cuma oleh kerana mereka ada kesedaran atau pandai-pandai sendirilah mereka belajar bahasa Inggeris. Pegawai kerajaan, pemimpin masyarakat baik, semuanya kerana daya usaha masing-masing kalau mereka ada wang.

Para pelajar di kampung-kampung memberitahu saya, inilah nasib kami, kami kecewa, kami terpaksa terima. Namun demikian kami tetap berterima kasih kepada ibu bapa kami kerana hantar juga kami ke sekolah. Kami juga berterima kasih kerana kemudahan yang disediakan oleh kerajaan, tapi kami salahkan sistem.

-- BERNAMA

AU AU NMO